

KEGIATAN PERUSAHAAN KACA & ALUMINIUM TANPA KEBENARAN DIHENTIKAN

Kegiatan perusahaan kaca dan aluminium bagi pembuatan tingkap dan pintu tanpa kebenaran yang terletak di Kampong Kilanas, Mukim Kilanas telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti kerana telah melanggar Seksyen 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248, iaitu menjalankan kegiatan perusahaan serta mendirikan struktur tanpa memperoleh Kebenaran Perancangan daripada Pihak Berkuasa Perancangan.

Kegiatan ini dijalankan di atas tanah yang dizonkan bagi kegunaan perumahan, yang mana tidak sesuai untuk tujuan perusahaan seperti ini. Premis tersebut digunakan bagi kerja-kerja memotong, membuat, memasang dan menyimpan kaca, bingkai aluminium, tingkap, pintu serta bahan-bahan berkaitan. Kegiatan seperti ini boleh mengganggu penduduk di kawasan perumahan berhampiran akibat bunyi bising daripada kerja-kerja fabrikasi, pergerakan kenderaan perdagangan, penyimpanan bahan-bahan perusahaan serta berpotensi mendatangkan bahaya kepada keselamatan orang ramai. Oleh itu, kegiatan seperti ini hendaklah dijalankan di kawasan zon perusahaan yang telah dikhaskan dan dilengkapi dengan kemudahan serta prasarana yang bersesuaian.

Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dijalankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, didapati pemilik tanah telah mematuhi arahan Pihak Berkuasa Perancangan dengan menghentikan kegiatan perusahaan kaca dan aluminium, merobohkan struktur yang dibina tanpa Kebenaran Perancangan serta membersihkan kawasan tersebut.

Pemajuan dan perubahan penggunaan tanah tanpa Kebenaran Perancangan boleh mendatangkan bahaya serta menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan orang ramai. Orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangan, khususnya Seksyen 23 Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248, yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh melaksanakan kemajuan atas mana-mana tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah atau menjalankan apa-apa kerja di dalam kawasan pemuliharaan tanpa terlebih dahulu memperoleh Kebenaran Perancangan daripada Pihak Berkuasa Perancangan. Kegagalan mematuhi peruntukan tersebut merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan denda sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 23(6), iaitu denda tidak melebihi BND200,000, dan bagi kesalahan yang berterusan, suatu denda tambahan tidak melebihi BND10,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bagi sebarang aduan atau mendapatkan khidmat nasihat perancangan, orang ramai bolehlah menghubungi talian hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di 8200 222.

- TAMAT -